Analisis karya fotografi Datu Roslan Sulai dalam konteks ikonografi

ABSTRAK

Membincangkan kaedah untuk menganalisis gambar karya fotografi Datu Roslan Sulai yang memiliki nilai sosio-budaya di dalam karya fotografi beliau. Analisis ini dilakukan bagi menghuraikan kaedah untuk membaca cerita di sebalik karya-karya fotografi tersebut. Justeru, kebanyakan masyarakat tidak mengetahui disebalik karya-karya fotografi, masyarakat malah lebih memfokuskan tentang seseorang individu. Sesuatu karya fotografi seharusnya difahami menerusi penilaian cerita disebalik karya fotografi yang dirakam, hasil karya fotografi hendaklah mempunyai cerita dan isu yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Perkara ini merupakan tugas utama seorang jurugambar sebagai penyampai maklumat dengan teknik yang tepat dan bermakna. Hasil analisis dapat menemukan cara untuk menganalisis cerita di sebalik karya fotografi. Seterusnya dapatan ini didedahkan dikongsikan kepada masyarakat agar masyarakat dapat mengetahui kaedah untuk membaca cerita di sebalik karya tersebut. Justeru, penyelidikan memupuk kesedaran masyarakat dan bermanfaat kepada jurugambar bagi menggunakan pendekatan ikon serta simbol. Penyelidikan ini turut menyumbang kepada sumber ilmu baharu dalam industri fotografi agar menjadi bahan rujukan dalam sistem pengajaran pendidikan seni visual di peringkat IPTA/IPTS di Sabah.